

# Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Strategi Komunikasi dalam Penulisan Bahasa Arab

Nurmasturah Binti Jamil<sup>1</sup>, Noor Asliza Binti Abdul Rahim<sup>2</sup>, Shuhairimi Abdullah<sup>3</sup>

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dan strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar dalam aspek penulisan Bahasa Arab bagi subjek Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah (LAM). Seramai 20 orang guru yang mengajar subjek LAM di beberapa buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dipilih sebagai sampel kajian. Borang soal selidik dan temu bual digunakan sebagai instrumen bagi mendapat data penggunaan kaedah pengajaran dan jenis strategi komunikasi. Data dianalisis berasaskan deskriptif asas dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan penggunaan kaedah pengajaran dan strategi komunikasi sahaja. Pengkelasan strategi komunikasi mengguna pakai Strategi Komunikasi Dornyei & Scott (1997). Kajian mendapati bahawa sebahagian besar responden cenderung menggunakan kaedah pengajaran berbentuk ajuk hafal, syarahan, aktiviti dan permainan, induktif, pembentangan, komunikatif, terjemahan dan deduktif. Manakala, kaedah langsung kurang digunakan dalam aktiviti pengajaran LAM. Guru turut berpendapat bahawa kebanyakan pelajar sering menggunakan strategi terjemahan literal, pengulangan, rayuan kerjasama, penghampiran, penghafalan dan penghuraian semasa menulis dalam Bahasa Arab. Sementara strategi penciptaan perkataan baru, peninggalan mesej dan penukaran kod bahasa kurang digunakan dalam penulisan. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi implikasi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam usaha meningkatkan penguasaan komunikasi bahasa asing dalam kalangan pelajar.*

**Kata Kunci:** Kaedah pengajaran, Strategi komunikasi, Pengajaran dan pembelajaran, Bahasa Arab, Kemahiran Penulisan.

## The Use of Teaching Methods and Communication Strategies in Arabic Writing

## ABSTRACT

*This study aims to identify the teaching methods used by teachers and communication strategies used by students in Arabic writing for subject of al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah (LAM). 20 teachers who teach LAM in several Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) were selected as the study sample. Questionnaires and interviews were used to obtain data on the use of teaching methods and communication strategies. Data were analysed based on basic descriptions by looking at the frequency and percentage*

---

<sup>1</sup> NURMASTURAH BINTI JAMIL, Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis, [nurmasturahjamil@gmail.com](mailto:nurmasturahjamil@gmail.com)

<sup>2</sup> NOOR ASLIZA BINTI ABDUL RAHIM, Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis, [asliza@unimap.edu.my](mailto:asliza@unimap.edu.my)

<sup>3</sup> SHUHAIRIMI ABDULLAH, Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis, [shuhairimi@unimap.edu.my](mailto:shuhairimi@unimap.edu.my)

*usage of teaching methods and communication strategies only. Classification of communication strategies is based on Communication Strategies by Dornyei & Scott (1997). The study found that the majority of respondents prefer to use teaching methods in the form of memorization, lectures, activities and games, inductive, presentation, communicative, translation and deductive. Meanwhile, direct method is less used in teaching activities. Teachers also agree that majority of students prefer to use literal translation strategies, repetition, appeal for help, approximations, memorization and circumlocution when writing in Arabic. While word coinage strategies, message abandonment and code switching are less used in writing. The findings of this study indirectly have implications on the teaching and learning methods of Arabic in an effort to improve the mastery of foreign language communication among students.*

## **1. PENGENALAN**

Pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing sentiasa mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pembelajaran Bahasa Arab telah dilaksanakan secara formal di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) serta turut dipelajari secara tidak formal oleh warga emas. Selain menjadi nilai tambah kepada pembangunan modal insan, kelebihan menguasai kemahiran dwibahasa juga dapat memotivasikan diri untuk berkomunikasi dengan baik (Abdullah et al., 2015) serta memberi kelebihan dari segi kemahiran kognitif, kreativiti, penyelesaian masalah dan jaringan sosial (Stein-Smith, 2017).

Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia tidak hanya dipelajari kerana penggunaannya sebagai bahasa ibadah bagi masyarakat Muslim, malah turut menarik minat masyarakat bukan Islam untuk mempelajarinya sebagai bahasa komunikasi (Mohd, K., Ahmad, Z., & Kama, N., 2017). Pelajar bukan Muslim didapati mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab selain turut berminat untuk menguasai bahasa tersebut (Shahrizal et al., 2017:29). Oleh itu, penawaran kursus dan penubuhan pusat pembelajaran Bahasa Arab dilihat semakin berkembang selaras dengan galakan kepada warganegara Malaysia untuk menguasai kemahiran dwibahasa dengan baik.

Untuk mencapai kompetensi berbahasa yang baik, pelajar perlu melengkapkan diri dengan penguasaan dalam empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan yang baik dalam kemahiran ini bukan sahaja memerlukan usaha daripada pelajar, malah komitmen dan inisiatif daripada guru juga perlu diberi perhatian. Hal ini kerana pengaruh pengajaran guru memberi kesan yang besar kepada penguasaan Bahasa Arab pelajar yang dilihat masih lagi berada pada tahap sederhana (Noorafini Kassim et al., 2017:125).

Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai penting dalam pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan kaedah pengajaran yang tepat dilihat dapat meningkatkan motivasi dan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab selain menjadikan pengajaran yang dijalankan lebih menarik dan berkesan (Ahmid et al., 2018:136). Selain itu, penggunaan kepelbagaian kaedah pengajaran moden juga berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pembelajaran bahasa asing (Bolibekova et al., 2020:143-148).

Pelajar dikatakan dapat menguasai kemahiran berbahasa apabila mampu berkomunikasi menggunakan laras bahasa dengan baik. Tahap kecekapan penguasaan berbahasa dapat dilihat pada kebolehan pelajar mengaplikasikan keempat-empat kemahiran tersebut dalam aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan, sama ada secara lisan atau tulisan. Walau bagaimanapun, pelajar yang mempelajari bahasa asing didapati seringkali menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan (Abdul Latif & Abu Hanifah, 2000; Nurul Salmi Mohd Dazali, 2014). Hal ini disebabkan oleh penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan pelajar (Daud & Abdul Pital, 2014:117).

Oleh itu, penggunaan strategi komunikasi (SK) adalah penting untuk dikuasai oleh pelajar bagi membantu mereka menyampaikan mesej dengan sempurna. Ini kerana SK menyediakan penyelesaian berdasarkan kepada masalah yang dihadapi ketika proses komunikasi berlangsung. Pemahaman terhadap penggunaan SK dalam pembelajaran bahasa bukan sahaja dapat memanfaatkan penutur bukan natif tetapi juga guru yang merupakan pemudah cara dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

## **2. PENYATAAN MASALAH**

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar yang mempelajari Bahasa Arab didapati menghadapi masalah untuk menghasilkan penulisan yang baik (Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini, 2016:123). Masalah ini dilihat semakin meruncing apabila mahasiswa yang berada dalam pengkhususan Bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi turut menghadapi masalah yang sama. Mereka didapati tidak dapat menguasai kosa kata dengan baik dan berpandangan bahawa kemahiran menulis adalah sukar (Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini, 2016; Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohammad Azrien Mohamed Adnan, 2020). Hal ini semakin membimbangkan apabila masalah ini masih berterusan dan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa Arab (Daud & Abdul Pital, 2014:117).

Selain itu, pelaksanaan kaedah pengajaran didapati turut mempengaruhi tahap kecekapan pelajar dalam kemahiran menulis. Ini kerana kebanyakan guru menghadapi masalah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan (Zaini et al., 2019:51&52). Mereka didapati cenderung menggunakan bahasa ibunda, melaksanakan pengajaran yang berpusatkan guru, serta kurang berkemahiran dalam penggunaan alat bantu mengajar dan teknologi (Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah, 2017; Zaini et al., 2019). Selain itu, kebanyakan guru Bahasa Arab dikatakan masih menggunakan pendekatan tradisional yang kurang memberi penekanan dalam penguasaan kemahiran berkomunikasi (Azman Che Mat & Goh Ying Soon, 2010:14). Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa kemahiran seorang guru untuk merancang dan melaksana aktiviti pengajaran yang tersusun penting bagi membantu pelajar menguasai kemahiran berbahasa Arab.

Bagi meningkatkan tahap kecekapan berbahasa, penggunaan strategi komunikasi (SK) didapati membantu proses pembelajaran bahasa asing (Ishaq et al., 2020). Walau bagaimanapun, pemahaman dan pengaplikasian terhadap penggunaan SK dalam kalangan pelajar masih berada di tahap rendah (Mohd Hashim et al., 2014). Pembelajaran bahasa asing yang kurang memberi penekanan terhadap kemahiran komunikasi didapati menyebabkan pelajar gagal menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa dengan baik (Nurul Salmi Mohd Dazali, 2014:47&48). Hal ini semakin membimbangkan apabila pelajar menghadapi masalah untuk menyampaikan dan menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjejaskan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab yang lebih memfokuskan penilaian pencapaian melalui penulisan.

### **2.1 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan kepada dua objektif:

- i Mengetahui jenis kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran LAM
- ii Mengetahui jenis SK yang digunakan oleh pelajar dalam aktiviti penulisan LAM

## **3. KAJIAN LITERATUR**

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang terkenal dengan keunikan yang tersendiri dan masih kekal sebagai salah satu bahasa utama yang digunakan oleh masyarakat dunia sehingga hari ini. Keistimewaan Bahasa Arab dapat dilihat dari segi kepelbagaian kosa kata yang merangkumi pelbagai bidang, kaedah analisis (*i'rab*) struktur ayat yang sempurna dan sistem morfologi yang unik. Ciri-ciri tersebut membolehkan bahasa ini diangkat sebagai bahasa wahyu, bahasa Al-Quran serta bahasa syurga (Muhammad, 2005:64-70). Atas faktor keutuhan bahasa, tidak menghairankan apabila jumlah penutur Bahasa Arab didapati semakin bertambah pada setiap tahun dan mampu mencecah sehingga 274 juta orang pada tahun 2020 (Teixeira, 2021).

Penguasaan Bahasa Arab memerlukan pelajar untuk mempelajari asas bahasa dalam bidang *nahu*, *sorof* dan *balaghah*. Ketiga-tiga cabang ini diajar kepada pelajar melalui penekanan isi kandungan pembelajaran dalam buku teks. Selain mempelajari bahasa menggunakan buku teks, pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai oleh guru juga penting dalam membantu pelajar menguasai pembelajaran bahasa dengan baik (Abdul Rahman Abdullah, 2009; Ahmid et al., 2018). Ini kerana guru merupakan penyumbang besar kepada kejayaan penguasaan Bahasa Arab pelajar (Taat & Ariffin @ Riffin, 2020:21).

Selain itu, penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dalam pembelajaran bahasa masih lagi menjadi perdebatan antara ahli akademik. Kebanyakan daripada mereka berpandangan bahawa pembelajaran Bahasa Arab perlu diajar secara menyeluruh dan ada yang berpendapat pengajaran secara berasingan adalah lebih mudah (Awatif Abdul Rahman et al., 2016; Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasin, 2017). Menurut (Jamali et al., 2017:41), guru perlu kreatif untuk memperbagaikan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian topik. Justeru, bagi memaksimumkan keberkesanan pembelajaran bahasa asing, pembelajaran pada hari ini turut menggalakkan guru untuk memaksimumkan konsep *Internet of Things* (IoT) bagi meningkatkan kecekapan pelajar dalam kemahiran komunikasi.

Pembelajaran bahasa sememangnya memerlukan pelajar untuk mempraktikkan penggunaan bahasa semaksimum mungkin. Ini kerana pelajar dapat mempelajari sesuatu apabila melakukan kesalahan semasa menggunakan bahasa dan secara tidak langsung akan meningkatkan kecekapan bahasa pelajar (Al-Khreshah, 2016:51). Selain itu, pelajar perlu diberi galakkan untuk menggunakan bahasa asing dalam aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar kelas. Oleh itu, pelbagai strategi dan teknik telah diperkenalkan bagi membantu pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Penggunaan strategi komunikasi (SK) dapat memanfaatkan pelajar dalam meningkatkan kemahiran komunikasi. SK didapati membantu pelajar meneruskan kelangsungan interaksi walaupun menghadapi masalah semasa proses komunikasi berlangsung (Ashinida Aladdin, 2012:645). Sebagai pelajar yang mempelajari Bahasa Arab sebagai bahasa asing, pelajar dilihat akan menghadapi masalah linguistik disebabkan struktur Bahasa Arab yang berbeza dengan Bahasa Melayu (Normila Bt Norudin et al., 2014:1). Oleh hal yang demikian, penggunaan SK sememangnya perlu diberi perhatian oleh para guru dan pelajar bagi meningkatkan kemahiran komunikasi secara lisan dan tulisan dalam aktiviti pembelajaran bahasa.

Kajian SK mula diperkenalkan pada tahun 70-an dan mula berkembang sekitar tahun 80-an dengan turut memberi perhatian kepada hubungan SK dalam pembelajaran bahasa asing. SK yang mula dipelopori oleh Tarone (1980) mendefinisikan SK sebagai percubaan bersama yang dilakukan oleh interlokutor secara sedar untuk mencapai persepakatan bagi menghasilkan makna yang sama dalam situasi yang mana struktur maksud tersebut tidak dapat dikongsi bersama (Tarone, 1980:419&420). Kajian SK terus mendapat tumpuan para penyelidik Barat dengan menyesuaikan SK mengikut pengkhususan masing-masing. Tarone (1980) mengemukakan taksonomi SK dengan menyenaraikan jenis SK yang dapat digunakan oleh pelajar ketika menghadapi masalah komunikasi. Selain itu, para penyelidik turut meluaskan skop kajian SK dan mengadaptasi taksonomi Tarone (1985). Antaranya ialah Taksonomi Dornyei & Scott (1995).

Abdul Rahman Abdullah (2009) menjalankan kajian terhadap pelajar yang mempelajari Bahasa Arab di tiga buah sekolah menengah kebangsaan agama di Selangor mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah untuk meneruskan komunikasi disebabkan oleh kekurangan pengetahuan leksikal dalam Bahasa Arab. Dapatan kajian turut mendapati bahawa tahap kompetensi komunikatif pelajar dalam kemahiran bertutur adalah sederhana. Pelajar yang mempunyai kompetensi aras tinggi dilihat cenderung menggunakan strategi penghampiran dan penghuraian, manakala pelajar yang berkemampuan rendah gemar menggunakan strategi penukaran kod dan peninggalan mesej. Pelajar yang berada di aras sederhana pula didapati lebih kerap menggunakan SK berbentuk terjemahan literal dan rayuan kerjasama.

Begitu juga dengan kajian Ashinida Aladdin (2012) terhadap pelajar Tingkatan Enam yang akan menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di sekolah menengah agama di Selangor. Kajian yang dijalankan bertujuan mengkaji penggunaan SK dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. Dapatan kajian menjelaskan bahawa pelajar lebih kerap menggunakan strategi pengulangan dengan tujuan mendapatkan idea yang ingin disampaikan atau membetulkan kesilapan sebutan. Selain itu, pelajar didapati menggunakan strategi pencapaian secara ekstensif berbanding strategi pengelakan. Melalui kajian ini, penggunaan SK dilihat dapat membantu pelajar yang mempunyai pengetahuan linguistik yang terhad dalam Bahasa Arab untuk meneruskan komunikasi lisan.

Amiruddin Ishaq (2019) yang menjalankan kajian ke atas pelajar sekolah menengah agama turut meneliti penggunaan SK dalam komunikasi lisan Bahasa Arab pelajar. Melalui kajian tersebut, beliau telah membuat perbandingan antara kumpulan pelajar yang menggunakan SK dan pelajar yang tidak menggunakan SK. Dapatan kajian ini mengklasifikasikan SK yang digunakan oleh pelajar kepada tiga kategori utama, iaitu penggunaan strategi berdasarkan bahasa ibunda, strategi berdasarkan bahasa asing dan strategi bukan linguistik. Selain itu, pengkaji turut menyarankan agar pemahaman mengenai SK perlu diperluaskan lagi dalam kalangan pelajar untuk memperkembangkan lagi pembudayaan Bahasa Arab di Malaysia.

Berdasarkan pada pencarian pengkaji, kajian SK dalam pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing masih kurang dijalankan di Malaysia, khususnya dalam komunikasi secara tulisan. Oleh itu, perhatian perlu diberikan untuk meningkatkan keberkesanan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan pelajar berdaya saing di peringkat global.

#### **4. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual. Kajian dijalankan kepada 20 guru yang mengajar subjek *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* (LAM) di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Malaysia menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Mereka terdiri daripada 6 orang guru lelaki dan 14 orang guru perempuan. Set soalan kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A berkaitan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, tingkatan yang diajar, lokasi negeri dan lokasi daerah sekolah. Manakala, temu bual dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang penggunaan kaedah pengajaran di dalam kelas dan aspek penggunaan SK pelajar semasa menjalankan aktiviti penulisan. Soal selidik dan soalan temu bual dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada objektif kajian serta mendapat pengesahan dari salah seorang pensyarah di Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis. Dapatan kajian ini secara umumnya dapat memberi maklumat tentang kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dan jenis penguasaan SK dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar dari sudut pandangan guru. Dapatan data dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Pengkelasan jenis-jenis strategi komunikasi menggunakan teori strategi komunikasi yang dicadangkan Dörnyei & Scott (1997). Terdapat 33 item taksonomi yang dijadikan sebagai landasan kepada pengkajian ini (Dörnyei & Scott, 1997:188-192).

#### **5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

## 5.1 Demografi Responden


Secara keseluruhan proses penganalisan data dilakukan hanya terhadap kepada analisis deskriptif asas dengan melihat kepada indeks bilangan dan peratusan sahaja. Kajian dilakukan terhadap 20 orang guru yang mengajar mata pelajaran *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* (LAM) di beberapa buah sekolah menengah agama di Malaysia yang melibatkan bilangan 14 orang (70%) guru wanita dan 6 orang (30%) guru lelaki. Majoriti responden adalah dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu sebanyak 45% (9 orang). Manakala 20% (4 orang) responden berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, juga sebanyak 20% (4 orang) responden berumur dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun, dan 15% (3 orang) responden berumur 51 tahun ke atas. Daripada jumlah responden tersebut, 50% (10 orang) daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun, manakala 30% (6 orang) mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 6 tahun. Masing-masing 10% (2 orang) daripada mereka mempunyai pengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas. Sebahagian besar responden, iaitu 50% (10 orang) daripada mereka terdiri daripada guru yang mengajar subjek *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* bagi Tingkatan 4 dan 5. Manakala 25% (5 orang) daripada mereka hanya mengajar di Tingkatan 4 sahaja dan 25% (5 orang) di Tingkatan 5 sahaja. Bagi lokasi sekolah, 40% (8 orang) daripada responden mengajar di negeri Kedah, 20% (4 orang) dari Perak, 15% (3 orang) dari Johor, 10% (2 orang) dari Terengganu dan masing-masing 5% (1 orang) dari Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis. Bagi lokasi sekolah bandar dan luar bandar, kedua-duanya mencatatkan peratusan yang sama, iaitu 50% (10 orang). Maklumat demografi responden dirumuskan dalam bentuk rajah 1 seperti berikut:

Jantina	Perempuan	14 orang (70%)
	Lelaki	6 orang (30%)
Lingkungan umur (tahun)	31 hingga 40	9 orang (45%)
	20 hingga 30	4 orang (20%)
	41 hingga 50	4 orang (20%)
	51 ke atas	3 orang (15%)
Pengalaman mengajar (tahun)	6 hingga 10	10 orang (50%)
	Kurang dari 6	6 orang (30%)
	16 hingga 20	2 orang (10%)
	21 ke atas	2 orang (10%)
Tingkatan yang diajar	4 dan 5	10 orang (50%)
	4 sahaja	5 orang (25%)
	5 sahaja	5 orang (25%)
Lokasi sekolah mengajar	Bandar	10 orang (50%)
	Luar Bandar	10 orang (50%)

Rajah 1: Maklumat Demografi Responden

## 5.2 Penggunaan Kaedah Pengajaran LAM

Bagi mencapai objektif pertama kajian, iaitu mengenal pasti jenis kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran LAM, pengumpulan data yang dijalankan melibatkan temu bual terhadap kaedah pengajaran. Untuk tujuan memudahkan bacaan, hasil analisis akan dilaporkan dalam bentuk carta pai dan huraian berdasarkan item yang dikaji seperti dalam Rajah 2:



Rajah 2: Kekerapan Penggunaan Jenis Kaedah Pengajaran LAM

Berdasarkan dapatan data tentang penggunaan jenis kaedah pengajaran, sebanyak 90% daripada responden (18 orang) menggunakan kaedah syarahan. Penggunaan kaedah aktiviti dan permainan, induktif dan pembentangan menunjukkan nilai peratusan yang sama, iaitu sebanyak 80% daripada responden (16 orang), manakala masing-masing 70% daripada responden (14 orang) didapati menggunakan kaedah komunikatif dan terjemahan. 60% daripada responden (12 orang) pula didapati menggunakan kaedah deduktif semasa melaksanakan pengajaran, manakala 30% (6 orang) bagi aktiviti kaedah secara langsung. Kesemua responden (20 orang) dengan peratusan 100% didapati turut menggunakan kaedah ajuk hafaz semasa menjalankan aktiviti pengajaran LAM di dalam kelas.

Dengan nilai peratusan ini, secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti responden mengaplikasikan lebih dari satu kaedah pengajaran di dalam kelas. Berdasarkan kepada rajah 1, kebanyakan jenis kaedah pengajaran menunjukkan nilai peratusan penggunaan yang tinggi oleh responden, iaitu kaedah syarahan, aktiviti dan permainan, induktif, deduktif dan pembentangan. Ini adalah kerana pengajaran bahasa Arab secara lazimnya memerlukan guru untuk memapar bahan pengajaran, menerangkan isi kandungan serta menjalankan aktiviti pengukuhan bagi memantapkan penguasaan bahasa. Hal ini juga dinyatakan oleh (Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah, 2017:952) yang mendapati bahawa guru Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah turut menggunakan pelbagai kaedah pengajaran di dalam kelas. Ini adalah penting bagi menyuntik minat dan semangat pelajar untuk menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik. Menurut (Taat & Ariffin @ Riffin, 2020:13), tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar didapati mempunyai hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dan pengajaran guru.


Berbeza pula dengan kaedah langsung yang kurang menjadi pilihan responden. Kaedah ini memerlukan guru untuk menggunakan Bahasa Arab secara sepenuhnya dalam pengajaran (Mohd Ismail Mustari et al., 2012:873&874). Hal ini didapati bertentangan dengan kajian (Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasin, 2017:83) yang menyarankan para guru untuk tidak menggunakan bahasa ibunda dan

memaksimumkan penggunaan Bahasa Arab di dalam kelas. Pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini kurang menjadi pilihan mungkin disebabkan oleh faktor pelajar atau guru, iaitu penguasaan linguistik pelajar yang terhad atau kurang tahap kompetensi daripada pihak guru.

Selain itu, kaedah ajuk hafal yang menekankan aspek fonologi dilihat menjadi kegemaran kesemua responden. Kaedah ini digunakan oleh guru dengan menyebut sesuatu perkataan atau ayat dalam Bahasa Arab dan diikuti semula oleh pelajar bagi memperlihatkan cara sebutan yang betul (Ali, n.d.). Hal ini kerana huruf, perkataan dan ayat Bahasa Arab mempunyai sistem fonologi yang unik. Memandangkan Bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan ajuk hafal ini mempunyai persamaan dengan pendekatan pengajaran dalam pembacaan Al-Quran, iaitu kaedah *talaqqi musyafahah* yang merupakan pengajaran secara bersemuka (Muhamad et al., 2019:277).

### 5.3 Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Penulisan LAM

Bagi mencapai objektif kedua kajian, iaitu jenis SK yang digunakan oleh pelajar dalam aktiviti penulisan LAM, hasil analisis dilaporkan dalam bentuk carta pai dan huraian seperti dalam Rajah 3:



Rajah 3: Kekerapan Penggunaan Jenis SK dalam Penulisan LAM

Analisis menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa strategi terjemahan literal ialah SK dominan yang digunakan oleh pelajar dalam aktiviti penulisan bagi mata pelajaran LAM dengan nilai peratusan sebanyak 90% (18 orang). Strategi rayuan kerjasama dan pengulangan pula mencatatkan nilai peratusan yang sama, iaitu sebanyak 80% (16 orang). Manakala, kekerapan penggunaan strategi penghampiran adalah sebanyak 70% (14 orang), strategi penghuraian sebanyak 50% (10 orang), dan penukaran kod bahasa sebanyak 20% (4 orang). Bagi strategi peninggalan mesej dan penciptaan perkataan baru, masing-masing mencatatkan peratusan yang sama, iaitu 30% (6 orang). Selain itu, berdasarkan pada dapatan yang diperoleh dari responden, pengkaji telah menemui satu SK baru dalam penulisan LAM, iaitu strategi penghafalan dengan nilai peratusan sebanyak 70% (14 orang).



Dengan nilai peratusan ini, secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar mempunyai maklumat tentang kepentingan SK dalam pembelajaran bahasa. Ini jelas dilihat apabila responden didapati memberi peratusan yang tinggi bagi kebanyakan jenis SK dan secara tidak langsung memberi gambaran bahawa pelajar menggunakan lebih dari satu SK dalam penulisan LAM. Strategi terjemahan literal, rayuan kerjasama, pengulangan, penghafalan, penghampiran, dan penghuraian dilihat menjadi pilihan pelajar untuk digunakan dalam penulisan. Dapatan ini turut disokong oleh kajian (Abdul Rahman Abdullah, 2009) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kompetensi aras tinggi dilihat cenderung menggunakan strategi penghampiran dan penghuraian. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pelajar sentiasa berusaha untuk meneruskan proses penyampaian mesej secara tulisan dengan cara memaksimumkan penggunaan SK. Hasil kajian ini juga dapat mengklasifikasikan penggunaan SK dalam penulisan LAM kepada tiga kategori, iaitu SK berdasarkan bahasa ibunda, SK berdasarkan bahasa sasaran dan SK bukan linguistik. Ishaq et al., (2019) juga turut mengklasifikasikan dapatan kajian beliau kepada tiga kategori tersebut.

Berbeza pula strategi peninggalan mesej, penciptaan perkataan baru dan penukaran kod bahasa yang dilihat kurang menjadi pilihan pelajar dalam aktiviti penulisan. Ini mungkin kerana pelajar berpendapat bahawa penggunaan jenis SK tersebut akan menjejaskan pemarkahan disebabkan tidak mengaplikasikan Bahasa Arab menggunakan struktur bahasa tersebut. Hal ini turut disokong oleh kajian Ashinida Aladdin, (2012:661) yang mendapati bahawa pelajar tidak berminat menggunakan bahasa ibunda. Ini dapat dilihat apabila pelajar menggunakan strategi penukaran kod dengan kekerapan sekali sahaja dalam aktiviti lisan yang dijalankan. Selain itu, pelajar dilihat kurang menggunakan SK tersebut mungkin kerana mempunyai kaitan dengan kepelbagaian kaedah pengajaran yang memotivasikan pelajar untuk meneruskan proses penyampaian mesej.

Melalui kajian ini, pengkaji turut menemui satu SK baru yang tidak terdapat dalam taksonomi teori SK Dorneye & Scott (1997), iaitu strategi penghafalan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi ini paling kerap digunakan oleh pelajar. Hal ini mungkin mempunyai kaitan dengan kajian Rofian Ismail et al., (2018:342) yang mendapati pelajar kerap melaksanakan penulisan dengan menyalin semula apa yang telah dihafal. Kajian Sopian (2019:64) turut menggalakkan pelajar untuk menghafal frasa-frasa menarik yang diperoleh melalui pembacaan untuk digunakan dalam penulisan. Pengkaji turut berpendapat bahawa strategi penghafalan digunakan bagi mengatasi masalah kekurangan leksikal yang dihadapi oleh pelajar ketika melaksanakan tugas penulisan.

Secara umumnya, dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor responden yang mengajar di sekolah dalam kawasan bandar yang mempunyai kemudahan pembelajaran Bahasa Arab serta tahap kompetensi pelajar yang baik. Keseluruhan dapatan ini juga memberi maklumat bahawa sejumlah besar daripada guru menggunakan lebih dari satu kaedah pengajaran dalam sesi pengajaran. Hal ini secara tidak langsung turut mempengaruhi tahap penguasaan pelajar dalam menggunakan strategi-strategi yang dapat membantu pelajar meningkatkan pencapaian Bahasa Arab, khususnya dalam penggunaan SK.

## **5. KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kebanyakan guru LAM menggunakan lebih dari satu kaedah pengajaran untuk menyampaikan pengajaran di dalam kelas, antaranya ajuk hafal, syarahan, aktiviti dan permainan, induktif, pembentangan, komunikatif, terjemahan dan deduktif. Kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru didapati mempunyai impak yang positif terhadap kemahiran menulis pelajar. Ini kerana kebanyakan pelajar didapati menguasai dan mengaplikasikan penggunaan SK bagi meningkatkan penguasaan bahasa dalam aktiviti penulisan Bahasa Arab. Antara SK yang digunakan oleh pelajar ialah strategi terjemahan literal, pengulangan, rayuan kerjasama, penghampiran, penghafalan dan penghuraian.

Walau bagaimanapun, melihat kepada tahap pencapaian pelajar yang masih rendah, usaha yang padu perlu diberikan oleh pelbagai pihak bagi memastikan peningkatan tahap penguasaan pelajar dalam komunikasi Bahasa Arab. Guru dan pelajar perlu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) bagi memastikan penguasaan Bahasa Arab secara menyeluruh dapat dicapai. Penambahbaikan dalam kaedah pengajaran dengan penerapan konsep IoT perlu diberi perhatian bagi memastikan penguasaan kemahiran komunikasi secara berkesan dalam kalangan pelajar. Usaha ini tidak hanya tertumpu kepada pembelajaran Bahasa Arab sahaja, malah pembudayaan bahasa asing dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia perlu diperluaskan bagi menyemarakkan lagi konsep muhibah dalam kalangan warganegara Malaysia. Oleh itu, bagi meningkatkan keberkesanan dalam pembelajaran bahasa, beberapa cadangan kaedah pengajaran serta aktiviti berbahasa, antaranya:

i. Tidak mengehadkan pembelajaran Bahasa Arab dan pelaksanaan aktiviti komunikasi menggunakan Bahasa Arab hanya di dalam kelas, malah turut dijalankan di luar kelas. Ini kerana pelaksanaan aktiviti luar kelas seperti kem bahasa (*jawlah lughawiyyah*) didapati mampu membantu pelajar mempelajari kosa kata baru, sekali gus dapat meningkatkan penguasaan dalam kemahiran menulis karangan (Wan Abdul Hayyi Wan Omar et al., 2014).

ii. Berkomunikasi dengan penutur jati atau penutur bukan jati yang mahir dalam sesebuah bahasa. Menurut Abid & Gorontalo (2019), penguasaan sesebuah bahasa asing dapat ditingkatkan melalui pergaulan dengan penutur yang fasih dalam bahasa tersebut.

iii. Memperbanyakkan latihan bahasa berbentuk praktikal bagi meningkatkan penguasaan dalam komunikasi secara lisan atau tulisan. Hal ini dinyatakan oleh Coxhead (2012) yang mendapati bahawa latihan yang mencukupi dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dalam penulisan bahasa asing.

iv. Mempelajari dan mengaplikasikan teknik-teknik pembelajaran bahasa asing yang berkesan. Rosni Samah (2014) menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran menggunakan strategi tiru (*imitation strategies*) berdasarkan pendekatan Ibnu Khaldun, iaitu mengumpul kosa kata dan ayat, meningkatkan penguasaan kosa kata dan ayat, dan mengaplikasikan kosa kata dan ayat dapat membantu pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab.

v. Menggunakan kaedah terjemahan yang dapat membantu pelajar mempelajari kosa kata baru. Walaupun penggunaan kaedah terjemahan sering menjadi isu perdebatan dalam proses pembelajaran bahasa, namun sebilangan penyelidik berpendapat bahawa kaedah ini dapat membantu penguasaan kosa kata dalam bahasa asing (Gizem MUTLU, Dilan BAYRAM, 2015; Ying et al., 2018)

vi. Menggunakan strategi komunikasi sebagai alternatif apabila menghadapi masalah ketika penyampaian mesej. Ini kerana penggunaan strategi komunikasi dapat membantu pelajar memastikan kelangsungan proses komunikasi (Sabri Thabit Saleh Ahmed & Sunil V. Pawar, 2018).

vii. Meningkatkan penguasaan kosa kata dengan memilih bahan bacaan yang relevan dalam sesuatu bidang. Pembacaan yang berkualiti akan memberi idea dan input kosa kata baru kepada pelajar untuk digunakan dalam menyusun organisasi sesebuah penulisan. Selain pemilihan bahan bacaan yang baik, latihan bersepadu juga dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan kosa kata dan struktur tatabahasa (Tengku Mahadi et al., 2018).

## 6. RUJUKAN

- Abdul Latif, A., & Abu Hanifah, A. (2000). Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar- Pelajar PKPG Kemahiran Hidup Universiti Teknologi Malaysia. *AJTLHE*, Vol.1 No.1, 8-25, Vol.1 No.1, 8–25.
- Abdul Rahman Abdullah. (2009). Kompetensi Komunikatif Dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama Di Negeri Selangor. In *Tesis Doktor Falsafah*.
- Abdullah, A., Sulaiman, A., & Wan Abdullah, W. (2015). FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MOTIVASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*.
- Abid, A., & Gorontalo, U. N. (2019). *Communication strategies and l2 oral literacy*. August.
- Ahmid, M. H., Abdullah, M. K., & Johari, K. (2018). Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)*, 3(3), 136–147.
- Al-khresheh, M. H. (2016). A Review Study Of Error Analysis Theory. *Journal of Advances in Humanities and Social Sciences*, 2(6). <https://doi.org/10.20474/jahss-2.6.5>
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab An Analysis Of The Usage Of Communication Strategies In Arabic Oral Communication. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*.
- Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Siti Nurhajariah Mat Isa. (2016). Penguasaan bahan bacaan bahasa Arab melalui teknik membaca SQ3R. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 69–80.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (2010). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *AJTLHE*, 2(2), 9–21.
- Bolibekova, M. M., Jalolova, S. M., Nematov, O. N., & Tangriyev, V. A. (2020). The Importance Of Modern Methods and Technologies in Learning English. *Journal of Critical Reviews*, 7(6), 143–148. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.06.28>
- Coxhead, A. (2012). Academic Vocabulary, Writing and English for Academic Purposes: Perspectives from Second Language Learners. In *RELC Journal*. <https://doi.org/10.1177/0033688212439323>
- Daud, N., & Abdul Pisal, N. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(01), 117–133. <https://doi.org/10.17576/gema-2014-1401-08>
- Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasin, N. S. A. W. (2017). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif Di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 78–93. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Dörnyei, Z., & Scott, M. L. (1997). Communication strategies in a second language: Definitions and taxonomies. *Language Learning*. <https://doi.org/10.1111/0023-8333.51997005>
- Gizem MUTLU, Dilan BAYRAM, B. D. (2015). Translation As A Learning Strategy Of Turkish EFL Learners. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 6(2), 236–245.
- Jamali, H. N., Rahman, A. A., Fatahiyah, K., & Azizan, K. (2017). *Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan*. 29–43.
- Moh Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad, & Rahmah Yahya. (2012). Model Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*, 8(1987), 867–878.

- Mohd, K., Ahmad, Z., & Kama, N. (2017). Kajian kes keperluan Bahasa Arab dalam kalangan jemaah haji dan umrah Malaysia dari sudut pandang mutawwif-mutawwif Syarikat Andalusia = Case studies of Arabic Language requirements in the hajj and umrah of Malaysia from the perspective of mutawwif of Andalusian Company.
- Mohd Hashim, M. H., Ismail, M. Z., & Mustapha, N. F. (2014). “Alamak! Macamana nak cakap ni?” : Penggunaan Strategi Tampungan dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *Global Media Journal - Malaysian Edition*.
- Muhamad, N., Hashim, A., Abdullah, W. H., Kamarul Zaman, M. A., & Zamri, F. A. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al-Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 273–283. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320025>
- Muhammad, A. (2005). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran. *Jurnal Teknologi E*, 42(42E), 61–76.
- Muhammad Zahri Abdul Karim, & Muhammad Haron Husaini. (2016). *Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah*. 3(1), 123–138.
- Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah, S. N. M. S. A. (2017). PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB: TINJAUAN AWAL PERINGKAT SEKOLAH RENDAH TERENGGANU. *Seminar Kebangsaan Bahasa Dan Kesusasteraan Arab 2017*, 948–955. [https://www.researchgate.net/publication/330887522\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_BAHASA\\_ARAB\\_TINJAUAN\\_AWAL\\_PERINGKAT\\_SEKOLAH\\_RENDAH\\_TERENGGANU](https://www.researchgate.net/publication/330887522_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_BAHASA_ARAB_TINJAUAN_AWAL_PERINGKAT_SEKOLAH_RENDAH_TERENGGANU)
- Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit, & Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan*.
- Normila Bt Norudin, Nik Murshidah Bt Nik Din, Raja Hazirah Bt Raja Sulaiman, & Zaiton Bt Mustafa. (2014). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014, 2007*, 1–10.
- Nurul Salmi Mohd Dazali, M. I. A. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 4(2), 44–56.
- Rofian Ismail, M., Redzaudin Ghazali, A., Akmar Bin Abdul Latif, K., Pengajian Bahasa, J., & Arab Fakulti Pengajian Peradaban Islam, L. (2018). *Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab*. April, 330–345.
- Rosni Samah. (2014). Suggested strategies for non Arabic speakers in learning Arabic language. *Pensee Journal*, 76(1), 232–239.
- Sabri Thabit Saleh Ahmed & Sunil V. Pawar. (2018). A Study of Communication Strategies Employed by Radfan College EFL Students in their Classroom Interactions. In *New Academia: An International Journal of English Language, Literature and Literary Theory*. [https://doi.org/https://www.researchgate.net/publication/326534502\\_A\\_Study\\_of\\_Communication\\_Strategies\\_Employed\\_by\\_Radfan\\_College\\_EFL\\_Students\\_in\\_their\\_Classroom\\_Interactions](https://doi.org/https://www.researchgate.net/publication/326534502_A_Study_of_Communication_Strategies_Employed_by_Radfan_College_EFL_Students_in_their_Classroom_Interactions)
- Shahrizal, M., Nurkhamimi, N., Sabri, M., & Abstrak, S. (2017). Persepsi Pelajar Bukan Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Non-Muslim Students' Perception towards Learning Arabic Language. *ISLAMIYYAT*. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-04>
- Sopian, A. (2019). KEMAHIRAN MENULIS BAHASA ARAB: ANALISA KELEMAHAN PELAJAR UITM MELAKA. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 58–65. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.27005>

- Stein-Smith, K. (2017). The Multilingual Advantage: Foreign Language as a Social Skill in a Globalized World. *International Journal of Humanities and Social Science*.
- Taat, M. S., & Ariffin @ Riffin, A. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13–23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Tarone, E. (1980). COMMUNICATION STRATEGIES, FOREIGNER TALK, AND REPAIR IN INTERLANGUAGE. *Language Learning*. <https://doi.org/10.1111/j.1467-1770.1980.tb00326.x>
- Tengku Mahadi, T. S., Md Husain, F., Jaganathan, P., Hassan, A., Syed Fesal, S. N. H., & Mohamad, A. (2018). Developing narrative writing skills via a reading programme for low english language proficiency undergraduates. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(2), 1–16. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-01>
- Wan Abdul Hayyi Wan Omar, Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya, & Zulazhan Ab. Halim. (2014). Penguasaan Kosa Kata Arab Menerusi Aktiviti “Jawlah Lughawiyah.” *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohammad Azrien Mohamed Adnan, N. H. M. S. (2020). Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Al-Basirah*, 10(1), 53–68.
- Ying, B. T., Hoon, A. L., Halim, H. A., & Majtanova, M. (2018). Students’ beliefs on translation strategy in learning German language. *GEMA Online Journal of Language Studies*. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-05>
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Redzudin, M., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia : Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57.
- إسحاق, أ. ا., عبد الله, م. ح., زكريا, ز. م., & جعفر, ر. (2019). المهارات الاتصالية العربية في عملية التعليم والتعلم في المدارس الدينية بماليزيا. *Al-Ma'rifah*. <https://doi.org/10.21009/almakrifah.16.01.04>